

D320

B B377 AAB
MAHATHIR - EKONOMI R R R
DARIPADA WAN A. HULAIMI
(I)

LONDON, 21 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYERU SUPAYA DIWUJUDKAN PERTIMBANGAN YANG WARAS DALAM DUNIA YANG KEADAAN EKONOMINYA SEDANG KUCAR-KACIR DAN MENEGASKAN TENTANG PERLUNYA NEGARA-NEGARA KEMBALI KEPADA KONSEP PELBAGAI HALA.

KETIKA BERUCAP KEPADA AHLI-AHLI AKADEMIK DAN PENGGUBAL DASAR DI INSTITUT DIRAJA BAGI HAL EHWAL ANTARABANGSA DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA DALAM DUNIA YANG KINI LEBIH TERPISAH DARIPADA MASA-MASA LALU ANTARA UTARA DAN SELATAN, DASAR KONFRONTASI, PENGASINGAN ATAU PERLINDUNGAN TIDAK BERGUNA LANGSUNG.

SAMBIL MENYERU SUPAYA NEGARA-NEGARA BERUNDING ANTARA SATU SAMA LAIN DENGAN WARAS, BELIAU BERKATA: +KITA SEMUA BERADA DALAM KEADAAN KUCAR-KACIR DARIPADA SEGI EKONOMI DUNIA.+

RUNDINGAN SEPERTI ITU AMAT DIPERLUKAN, LEBIH DARIPADA KEPERLUANNYA PADA SEBARANG MASA YANG LAIN, KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA KONSEP PELBAGAI HALA NAMPAKNYA MENJADI KATA-KATA YANG MEMBAWA MAKNA YANG JIJIK DI KALANGAN NEGARA MAJU.

KATANYA, KEKECEWAAN DENGAN PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU MENDORONG KEPADA PENUBUHAN KELAB NEGARA KAYA PULA. KUMPULAN BERLIMA MERUPAKAN +SATU PERIKATAN NEGARA KAYA YANG TIDAK DAPAT DIELAKKAN LAGI AKAN BERTINDAK BERCAANGGAH DENGAN KEPENTINGAN NEGARA MISKIN.+ -- LAGI.

2154MST 21 07 87

B B383 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 2 LONDON R R R

KUMPULAN BERLIMA ITU KINI MENJADI KUMPULAN BERTUJUH, SEKALI LAGI TIDAK DIWAKILI OLEH NEGARA-NEGARA MISKIN.

BELIAU BERKATA WALAUPUN TUJUH BUAH NEGARA PERINDUSTRIAN DUNIA ITU BERBINCANG DI VENICE (ITALI) MENGENAI MASALAH NEGARA MISKIN, MASIH DIRAGUI SAMA ADA MEREKA BENAR-BENAR MEMAHAMI MASALAH YANG DIHADAPI.

+YANG LEBIH DIRAGUI LAGI IALAH SAMA ADA MEREKA MENGAMBIL KIRA HAKIKAT BAHAWA KEMELARATAN YANG SEMAKIN TERUK YANG DIALAMI OLEH NEGARA MISKIN AKAN JUGA MENJEJASKAN PRESTASI EKONOMI MEREKA.+

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN NEGARA-NEGARA MAJU BAHAWA ADA BAIKNYA JIKA MEREKA SEDAR BAHAWA DUNIA KETIGA MENYUMBANGKAN 40 PERATUS DARIPADA EKSPORT EKONOMI DUNIA.

KATANYA, SEBAGAI SATU PASARAN DUNIA KETIGA YANG BUKAN SOSIALIS ITU ADALAH LEBIH BESAR BAGI AMERIKA SYARIKAT DARIPADA EROPAH BARAT, EROPAH TIMUR, SOVIET UNION, AUSTRALIA, NEW ZEALAND DAN CHINA JIKA DIRANGKUMKAN SEKALI. -- LAGI.

2217MST 21 07 87

B B384 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 3 LONDON R R R

+KEMELESETAN EKONOMI DI DUNIA KETIGA MENJADI SATU SEBAB MENGAPA AMERIKA SYARIKAT AKAN TERUS MENGALAMI KESUKARAN UNTUK MENGURANGKAN DEFISIT PERDAGANGANNYA.+

+JIKA KITA MAHU Mencari penyelesaian yang akan mendatangkan hasil yang lebih baik daripada manipulasi mata wang yang merupakan hasil utama mesyuarat-mesyuarat kumpulan bertujuh itu setakat itu, kita hendaklah kembali kepada konsep pelbagai hala.+

SUDAH SEKIAN LAMA NEGARA-NEGARA MISKIN MERAYU SUPAYA DIWUJUDKAN SATU PERATURAN BARU EKONOMI DUNIA TETAPI PIHAK UTARA MENGANGGAPNYA SEBAGAI SATU LAGI USAHA UNTUK Mendapatkan bantuan daripada mereka.

LALU MEREKA PUN MENUBUHKAN KUMPULAN BERTUJUH ITU DAN MENGADAKAN PERATURAN BARU EKONOMI MEREKA SENDIRI, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. KATANYA MASALAH MEREKA SENDIRI PUN GAGAL DISELESAIKAN OLEH KUMPULAN ITU.

SAMBIL BERTANYA KENAPAKAH LAGI AMERIKA SYARIKAT HENDAK BERGANTUNG KEPADA DASAR PERLINDUNGANNYA SENDIRI JIKA MANIPULASI MATA WANG DAN LANGKAH-LANGKAH LAIN YANG DIAMBIL OLEH KUMPULAN BERTUJUH ITU BERHASIL, DATUK SERI DR MAHATHIR MENJAWABNYA SENDIRI= +SUDAH TENTULAH INI MENUNJUKKAN YANG IA TIDAK DAPAT DIJAYAKAN.+ -- LAGI.

2228MST 21 07 87

D344

B B388 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 4 LONDON R R R

+SESUNGGUHNYA, JAUH DARIPADA MENYELESAIKAN MASALAH, PENGUBAHSUAIAN KADAR PERTUKARAN TELAH MEMBURUKKAN LAGI KEADAAN.+

+NEGARA-NEGARA SEDANG MEMBANGUN YANG TIDAK MAMPU MEMBAYAR HUTANG, KINI ENGGAN MEMBAYAR BALIK HUTANGNYA. PADA MULANYA BANK-BANK DI UTARA MEMBANTAH TERHADAP PERKEMBANGAN ITU TETAPI AKHIRNYA MEREKA TERPAKSA MENERIMANYA SEBAGAI HUTANG LAPUK. DAN BANYAKLAH BANK YANG LEMAH MENJADI BANKRAP KERANANYA.+

BELIAU BERKATA NEGARA-NEGARA SELATAN YANG MENYEDARI BAHAWA SUARA MEREKA TIDAK AKAN DIDENGAR JIKA MEREKA BERSUARA BERSENDIRIAN, TELAH MENUBUHKAN SURUHANJAYA SELATAN YANG DIKETUAI OLEH DR JULIUS NYERERE.

SURUHANJAYA ITU DIBERIKAN TUGAS UNTUK MERANCANG BIDANG DAN CARA MEMPERKUATKAN KERJASAMA ANTARA NEGARA-NEGARA SELATAN BAGI MENGURANGKAN PERGANTUNGAN KEPADA UTARA.

DENGAN MEMETIK KATA-KATA GEORGE SATAYANA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA MEREKA YANG TIDAK BELAJAR DARIPADA SEJARAH AKAN BERKALI-KALI MENANGGUNG AKIBAT KERANA MENGULANGI KESALAHAN MEREKA.

BELIAU MEMBERITAHU PERJUMPAAN ITU BAHAWA ITULAH KATA-KATA YANG AMAT BELIAU GEMARI UNTUK DIUCAPKAN KERANA IA BERKAITAN DENGAN KEADAAN EKONOMI SEKARANG. -- LAGI.

2240MST 21 07 87

D346

B B389 AAB
MAHATHIR - EKONOMI 5 LONDON R R R

SEBELUM ITU HARI INI, DI HOTELNYA PERDANA MENTERI MENERIMA KUNJUNGAN LORD YOUNG, SETIAUSAHA NEGARA BAGI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DAN MENGHADIRI JAMUAN TENGAH HARI YANG DIADAKAN OLEH SETIAUSAHA HAL EHWAL LUAR DAN KOMANWEL BRITAIN SIR GEOFFREY HOWE.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN PERSATAUAN PARLIMEN KOMANWEL DAN KUMPULAN PARLIMEN BRITAIN-MALAYSIA DI DEWAN PERWAKILAN. -- BERNAMA.

2242MST 21 07 87